



MSM tambah pembelian gula mentah dari India



Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](#)
hazwanfaisal@bh.com.my



Share



Tweet

KUALA LUMPUR: Pengeluar gula terbesar di negara ini, MSM Malaysia Holdings Bhd, akan meningkatkan pembelian gula mentah dari India sebanyak 130,000 tan bernilai RM200 juta pada suku pertama tahun ini.

Syarikat itu membeli kira-kira 88,000 tan gula mentah dari India tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Datuk Khairil Anuar Aziz, berkata keperluan gula mentah buat syarikat itu untuk suku pertama tahun ini diperolehi daripada salah satu pengeluar gula utama dunia, India.

Katanya, MSM menjangkakan kehadiran tiga penghantaran komoditi itu di antara Januari dan Februari berjumlah kira-kira 130,000 tan gula mentah bernilai hampir RM200 juta.

“Lebih 900,000 tan gula mentah telah diimport pada 2019 dari pelbagai negara pengeluar utama termasuk India.

“Kami akan terus mengimport gula mentah dari negara ini seperti India, Brazil, Thailand dan lain-lain, sambil memastikan konsistensi kos gula mentah dalam penanda aras NY#11 dan memilih pembekal gula mentah dengan berhati-hati bagi memastikan kompromi minimum dari segi kualiti untuk produk akhir syarikat,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut dua sumber yang dipetik Reuters, pembelian komoditi itu dilihat sebagai sebahagian usaha untuk meredakan kemarahan India di tengah-tengah ketegangan berhubung import minyak sawit.

India adalah antara pengeluar gula dunia terbesar selain Brazil dan Thailand.

Pengeluaran gula mentah India dilaporkan lebih perlahan pada tahun fiskal 2019/2020 disebabkan cuaca kering.

Bagaimanapun, untuk tahun fiskal 2020/2021, pengeluaran India dijangka pulih disebabkan peningkatan hujan di Maharashtra.

Sementara itu, biarpun pengeluaran di Brazil diramal stabil tetapi pengilang lebih tertarik untuk menghasilkan etanol kerana harga yang menarik.

Di Thailand, pengeluaran untuk tahun fiskal 2019/2020 adalah lebih rendah susulan kekurangan hujan di kawasan penanaman utama.

Menuju ke depan, Khairil Anuar berkata MSM bersiap sedia untuk memastikan perniagaan yang kompetitif dan mapan untuk jangka panjang di pasaran tempatan dan antarabangsa.

MSM juga, katanya komited dalam melaksanakan rancangan pertumbuhan strategiknya untuk mengekalkan disiplin kos dan mentakrifkan semula perniagaan dengan memperluaskan pembangunan produk baharu, meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kos penapisan, proses perolehan gula mentah yang ketat dan berkesan.

AGENCY: Berita Harian

LINK: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/01/649346/msm-tambah-pembelian-gula-mentah-dari-india>